

Analisis Pengaruh Falsafah al-Sufasta'iyah dalam Filem Mentega Terbang Menurut Perspektif Falsafah Islam dan Ilmu Kalam

Analysis of the Influence of Sophism Philosophy in the Mentega Terbang Film According to the Perspective of Islamic Philosophy and Kalam

Mohd Saiful Aqil Naim Saful Amin

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam. Akademi Pengajian Islam.
Universiti Malaya. 50603. Kuala Lumpur. Malaysia.
mohdsaifalsiddiqi01@gmail.com

Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam. Akademi Pengajian Islam.
Universiti Malaya. 50603. Kuala Lumpur. Malaysia.
smhilmi@um.edu.my

<https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol51no2.1>

Abstract

The philosophy of sophists is a thought that was started by a pre-Socratic philosopher named Protagoras (d. 420 BC). This thought became an epidemic of thought for the Greek civilization in understanding the concept of truth and the essence of thing. The sophists thought brought by Protagoras became the foundation stone for the philosophy of skepticism and also relativism thus urging the Greek philosophers to come up with science of logic to prove the reality. Nevertheless, this thought is still found in the past and present. On November 28, 2021, a controversial film titled *Mentega Terbang* was shown and it touched the sensitivity of Islam in particular. Therefore, this article was written to analyze and criticize the influence of that philosophy on this film through the method of literature review and data content analysis from the film from the perspective of Islamic philosophy and knowledge of kalam. The results of the study found the elements and influence of sophists philosophy on this film despite with new variations and narrative. This indirectly proves the role of the knowledge of kalam in facing the doubts and threats of faith in today's age.

Keywords: Philosophy; sophists; relativism; skepticism; kalam; Islamic Philosophy

Abstrak

Falsafah al-Sufasta'iyah merupakan sebuah pemikiran yang mula dicetuskan seorang filsuf pra-Socrates yang bernama Protagoras (m. 420

SM). Pemikiran ini sekali gus menjadi wabak pemikiran terhadap ahli tamadun Yunani dalam memahami konsep kebenaran dan hakikat sesuatu perkara. Pemikiran al-Sufasta'iyah yang dibawa oleh Protagoras ini seterusnya menjadi batu asas kepada kelahiran falsafah skeptisisme dan juga relativisme sekali gus mendesak ahli falsafah Yunani untuk membukukan ilmu mantik bagi menolak keraguan aliran ini. Namun begitu, pemikiran ini masih ditemui pada marcapada dan masa kini. Pada 28 November 2021, telah ditayangkan sebuah filem kontroversi yang bertajuk *Mentega Terbang* dan filem tersebut telah menyentuh sensitiviti agama Islam secara khususnya serta mengandungi beberapa pemikiran yang didapati menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Oleh itu, artikel ini ditulis bagi menganalisis serta mengkritik pengaruh falsafah tersebut terhadap filem ini melalui metode kajian kepustakaan dan analisis kandungan data daripada filem tersebut daripada perspektif falsafah Islam dan ilmu kalam. Hasil kajian mendapati unsur dan pengaruh falsafah al-Sufasta'iyah terhadap filem ini meskipun dengan variasi dan naratif yang baharu. Ini secara tidak langsung membuktikan peranan falsafah Islam dan ilmu kalam dalam mendepani keraguan dan ancaman akidah pada dewasa ini.

Kata Kunci: Falsafah; al-Sufasta'iyah, relativisme, skeptisisme, ilmu kalam, falsafah Islam.

Pendahuluan

Tamadun Yunani merupakan tamadun yang dikenali dengan kekayaan nilai intelek serta usaha pencarian kebenaran. Tamadun ini dikenali dengan barisan ahli falsafah yang mewakili individu yang mementingkan kebijaksanaan dan kebenaran. Ini jelas dapat dilihat melalui rahsia penamaan falsafah itu sendiri yang berasal daripada dua perkataan iaitu *philo* dan *sophos*. Ia membawa maksud cinta terhadap kebijaksanaan¹. Oleh itu, individu yang bergelumbang dengan diskusi berkaitan kebenaran, hakikat sesuatu perkara serta menyelesaikan masalah masyarakat pada ketika itu dinamakan sebagai ahli falsafah².

Secara umumnya, zaman dan era ahli falsafah Yunani boleh diklasifikasikan pada tiga era:

¹ Abdul Rahman Abdullah, *Wacana Falsafah Barat: Tinjauan dan Kritikan* (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia, 2016), 36.

² Al-Balanburi, Sa'id Ahmad, *Mabadi' al-Falsafah* (Karachi: Maktabah al-Bushra, 2011), 5.

- i. Era pra-Socrates.
- ii. Era Socrates.
- iii. Era pasca-Socrates³.

Menurut Frederick Copleston, para filsuf pada era pra-Socrates menumpukan perbincangan mereka pada aspek hakikat kebendaan dan kewujudan (*question of quiddity and existence*) yang lebih menjurus ke arah cuba memahami apakah kebenaran bagi objek yang mereka lihat serta apakah tujuan manusia ini wujud di atas muka bumi ini⁴. Oleh itu, mereka akan persoalan mengenai apakah hakikat kita sebagai manusia? Apakah tujuan kita berada di bumi ini? Apakah itu nilai yang baik untuk dilakukan dan seumpamanya. Usaha pencarian kebenaran ini merupakan perkara yang positif daripada satu sudut namun ia bakal membuka satu pintu keruntuhan konsep kebenaran disebabkan kemunculan suatu kelompok yang mula meragui kebenaran dan realiti sesuatu perkara bahkan sehingga tahap menjadikan kebenaran itu tidak mutlak seperti bulu yang terbang dibawa angin.

Copleston mengulas lanjut fasa ini dengan menegaskan bahawa apabila ahli falsafah pada zaman itu terlalu menimbulkan pertanyaan mengenai hakikat dan realiti bagi sesuatu objek, ia membuatkan sebahagian daripada mereka mula meragui apakah hakikat sesuatu perkara itu serta semakin sukar untuk memahami sesuatu perkara sehingga mencapai tahap yakin. Ini merupakan bibit kemunculan falsafah skeptisisme⁵ menurut Copleston.⁶ Di samping kegiatan filsuf pada zaman tersebut yang terlalu menekankan konsep kebenaran, muncul seorang tokoh falsafah yang bakal mengubah landskap dan suasana perbincangan falsafah di Athens. Beliau ialah Protagoras (m. 420 SM.). Pemikiran yang dibawa Protagoras serta kesannya terhadap perkembangan falsafah Yunani membuatnya layak digelar sebagai bapa kepada falsafah

³ Pembahagian ini turut dilakukan oleh Frederick Copleston menerusi *A History of Philosophy* dan juga Bertrand Russell menerusi *A History of Western Philosophy*.

⁴ Frederick Copleston, *A History of Philosophy* (England: Search Press Ltd, 1946), 1:81-82.

⁵ Falsafah skeptisisme merujuk kepada fahaman yang bersikap sangsi dan ragu-ragu terhadap sesuatu. Antara tokoh falsafah ini pada zaman moden ialah Rene Descartes (m. 1650 M.) dan juga David Hume (m. 1776 M.). Lihat Bertrand Russell, *A History of Western Philosophy*, terj. Muhammad Fathi al-Shanti (Kaherah: al-Hay'ah al-Misriyyah al-'Ammah li al-Kitab, 1970), 3:104-107, 251-257.

⁶ Bertrand, *A History of Western Philosophy*.

relativisme dan juga skeptisisme⁷. Menurut Bertrand Russell, Protagoras antara individu yang berpengaruh dalam kalangan masyarakat Abdera bahkan dianggap tokoh utama yang mengasaskan falsafah sofis ataupun *al-Sufasta 'iyyah*⁸. Sejak dari itu, falsafah *al-Sufasta 'iyyah* mula mendapat tempat dalam kalangan masyarakat tamadun Yunani sekali gus memaksa tokoh-tokoh pemikir pada ketika itu untuk menjawab keraguan yang dilontarkan oleh mereka⁹. Isu-isu yang dibincangkan mereka secara umumnya berpaksikan isu epistemologi yang berkaitan dengan cerapan ilmu dan pengetahuan.

Falsafah Al-Sufasta'iyyah: Pendekatan dan Variasi

Menurut tokoh ilmu kalam abad ke-8 Hijrah Sa'ad al-Din Mas'ud bin Umar al-Taftazani (w. 791 H), golongan *sufasta 'iyyah* ini boleh dibahagikan kepada tiga kelompok dan variasi:

- i. *Al-'Inadiyyah*: mereka ialah kelompok yang mendakwa bahawa kebenaran itu tidak boleh diketahui. Mereka turut mendakwa bahawa perkara yang kita tanggapi melalui indera dan akal yang kita menyangka bahawa ia merupakan benar merupakan khayalan semata-mata¹⁰.
- ii. *Al-'Indiyyah*: mereka ialah kelompok yang mendakwa bahawa kebenaran itu bersifat relatif dan bergantung pada kepercayaan tersendiri. Fahaman ini merupakan inti pati utama falsafah relativisme.
- iii. *Al-La'adriyyah*: mereka ialah kelompok yang tidak mengetahui serta sentiasa meragui adakah kebenaran itu sememangnya wujud

⁷ Relativisme merujuk kepada pemikiran yang mencanangkan konsep kenisbian kebenaran. Kebenaran itu diukur berdasarkan kepercayaan tersendiri. Lihat Abdul Rahman, *Wacana Falsafah Barat*, 46.

⁸ Bertrand, *A History of Western Philosophy*, 1:139.

⁹ Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman and Abdelhamid Salem Qatawneh, "Debate in the Qur'an and the Philosophical Approaches: Sophism and Dialecticism as Examples," *Jurnal Usuluddin* 48, no. 1 (2020): 167-92.

¹⁰ Pegangan mereka ini menyerupai agnostisisme namun agnostisisme lebih khusus dengan ketidakmampuan mengetahui perkara yang bersifat metafizik.

ataupun tidak wujud¹¹. Oleh itu, mereka seolah-olah berada dalam fantasi dan delusi mereka tersendiri disebabkan interpretasi mereka terhadap konsep kebenaran¹².

Berkenaan dengan *al-'inadiyyah*, menolak keharusan dan kemampuan manusia untuk mencerpah ilmu pengetahuan. Menurut Shams al-Din Ahmad bin Musa al-Khayyali (w.861 H), golongan ini dinamakan sebagai *'inadiyyah* kerana mereka menolak (*'inad*) terhadap kebenaran sesuatu pernyataan. Hal ini disebabkan mereka mendakwa bahawa setiap pernyataan jika benar, maka pernyataan yang bertentangan dengannya juga pasti akan benar¹³. Antara bentuk penghujahan mereka ialah seandainya ditunjukkan kepada kita sebuah botol yang diisi dengan air namun secara separuh penuh, lalu seseorang itu menyatakan bahawa botol ini separuh penuh dengan air, maka ucapannya itu benar. Namun seandainya seseorang itu menyatakan bahawa botol ini separuh kosong daripada air, maka ucapannya juga benar. Melalui intinya ini, mereka mendakwa bahawa sebenarnya tiada hakikat yang benar itu tetap bagi mana-mana ucapan ataupun pernyataan.

Berkenaan dengan *al-'Indiyyah*, pemikiran mereka membawa gagasan kenisbian kebenaran dan ia merupakan relatif. Falsafah ini dikenali sebagai relativisme yang mana ia berpunca daripada ucapan Protagoras yang masyhur bahawa:

*“Man is the measure of all things, of those that are that they are, of those that are not that they are not.”*¹⁴

Melalui ucapan ini, dapat dikenal pasti bahawa idea utama yang cuba ditonjolkan oleh Protagoras melalui ucapan ini ialah kepercayaan manusia itu sendiri merupakan kayu ukur bagi


¹¹ Pegangan mereka ini menyerupai skeptisisme. Md. Asham Ahmad menterjemahkan golongan ini dengan *the skeptics*. Lihat Ahmad, Md. Asham, “Feminisme Islami: Suatu Kritikan Terhadap Faham Keadilan Musawah,” *AFKAR: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 24, no.1 (2022):1-32.

¹² Al-Taftazani, Mas'ud bin Umar, *Sharh al-'Aqa'id al-Nasafiyyah*, tahqiq 'Ali Kamal (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 2014), 28.

¹³ Al-Khayyali, Ahmad bin Musa, *Hashiah al-Khayyali 'ala Sharh al-'Aqa'id*, tahqiq Mar'i Hasan (Lubnan: Dar al-Nur al-Sabah, 2012), 102.

¹⁴ Frederick Copleston, *A History of Philosophy*, 1:87.

kebenaran sesuatu perkara. Perkara yang ia percaya bahawa itu benar, maka benarlah perkara tersebut. Menurut 'Isam al-Din Ibrahim bin Muhammad al-Isfirayini (w. 945 H), mereka berhujahkan bahawa seorang yang ditimpa sakit *safrah* (demam kuning) akan merasakan madu itu pahit sedangkan individu lain yang sihat merasakan bahawa madu itu manis¹⁵. Selain itu, antara hujah yang turut digunakan golongan ini ialah berkenaan perspektif pemandangan nombor 6 seperti rajah berikut:



Gambar Rajah 1

Bagi yang berada di pihak kiri, mereka akan melihat ia merupakan nombor 6 manakala mereka yang melihat daripada perspektif kanan pula akan melihat ia merupakan nombor 9. Berdasarkan dakwaan mereka ini, mereka menegaskan bahawa kebenaran itu bergantung pada kepercayaan dan perspektif pemandangan seseorang individu. Golongan ini telah berevolusi serta muncul dengan wajah dan naratif yang baharu melalui konsep kebebasan bersuara serta hak asasi manusia¹⁶. Dengan menyalahgunakan kedua-dua konsep tersebut, pemikiran ini telah membarah dalam masyarakat barat secara khususnya dan mula menyusupi negara-negara Islam untuk meruntuhkan keautoritian agama sebagai penimbang kebenaran. Perkara ini akan dibantahi pada sub-topik 'Kritikan Terhadap Falsafah Al-Sufasta 'iyyah Berdasarkan Kaca Mata Ilmu Kalam'.

¹⁵ Al-Kurani, Ilyas bin Ibrahim, *Hashiah Ilyas al-Kurani 'ala Sharh al-Taftazani li al-'Aqa'id al-Nasafiyyah*, tahqiq Bashir Barman (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2017), 119.

¹⁶ Muhammadin, Fajri Matahati and Mohd Hisham Mohd Kamal, "The Western Universalism V. Cultural Relativism Debate on Human Rights and Islam: An 'Aqidah-Based Approach,'" *AFKAR: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 21, no. 2 (2019):175-216.

Adapun *al-La'adriyyah*, mereka hanya berada dalam delusi sehingga tidak mampu membezakan antara mimpi dan jaga, antara bayangan dan realiti. Atas dasar itu, al-Taftazani berkata golongan ini hanya mampu disedarkan dengan cara membakar mereka dan membiarkan mereka merasa panasnya bara api supaya mereka sedar bahawa kesakitan akibat kepanasan api itu sebenarnya realiti dan bukannya mimpi¹⁷.

Kritikan Terhadap Falsafah Al-Sufasta'iyah Berdasarkan Kaca Mata Ilmu Kalam

Menurut Rush Rhees, falsafah aneh yang digagaskan oleh golongan ini sebenarnya bukanlah atas dasar fakta ataupun kebenaran, akan tetapi hanya semata-mata ingin pertahankan kepercayaan yang mereka anuti serta mereka tidak gemar untuk dipersalahkan atas kepercayaan mereka. Apabila kebenaran bersifat relatif, semua pihak akan benar walaupun bertentangan. Oleh itu, ia akan menyebabkan kepercayaan seseorang itu tidak berhak untuk dikritik¹⁸. Ekoran itu, tidak hairanlah jika kita mendapati mereka yang terkesan dengan falsafah ini akan mudah teremosi apabila pegangan mereka dikritik, tidak berhujah dengan fakta bahkan hanya dengan falasi semata-mata.

Kritikan 1: Setiap Pernyataan Jika Benar, maka Pernyataan Berlawanan dengannya juga Benar

Ucapan tersebut merupakan asas utama golongan *al-'Inadiyyah* seperti yang disebutkan pada sub-topik sebelum ini bermodalkan pernyataan botol yang separuh penuh dengan air sebagai bukti. Untuk membantah ucapan ini, kita perlu memahami terlebih dahulu satu istilah yang bernama *al-tanaqud* (percanggahan kata) yang dibincangkan dalam ilmu mantik. Al-Taftazani mendefinisikan *al-tanaqud* sebagai percanggahan dua pernyataan yang melazimkan salah satu itu benar dan pernyataan sebaliknya itu palsu¹⁹. Oleh itu,

¹⁷ Ungkapan al-Taftazani ini tidak boleh difahami dengan konteks yang salah. Beliau bukanlah menyuruh untuk membakar golongan *sufasta'iyah* ini secara hakikat dan literal, akan tetapi ia sekadar hiperbola dalam pemberian saranan untuk menyedarkan golongan yang delusi sebegini. Lihat al-Taftazani, *Sharh al-'Aqa'id al-Nasafiyah*, 28.

¹⁸ Rush Rhees, *In Dialogue with The Greeks*, sun. D.Z Philips (Hampshire: Ashgate Publishing Limited, 1934), 2:142.

¹⁹ Al-Taftazani, Mas'ud bin Umar, *Tahdhib al-Mantiq wa al-Kalam* (Kaherah: Matba'ah al-Sa'adah, 1912), 10.

sesuatu percanggahan hanya akan berlaku seandainya percanggahan tersebut menyebabkan satu daripada pernyataan tersebut benar dan pernyataan yang bercanggah dengannya itu palsu ataupun tidak benar.

Al-Taftazani turut menegaskan bahawa sesuatu percanggahan hanya akan berlaku seandainya subjek (*mawdu'*) dan predikat (*mahmul*) bagi kedua-dua pernyataan itu sama namun berbeza daripada sudut kuantiti (*ikhtilaf fi al-kamm*)²⁰. Dalam pernyataan 'botol ini separuh penuh dengan air', kita perlu memahami terlebih dahulu bahawa subjek bagi pernyataan ini ialah botol manakala predikatnya ialah separuh penuh dengan air. Adapun pernyataan 'botol ini separuh kosong dengan air', ia bukanlah pernyataan yang bertentangan dengan pernyataan 'botol ini separuh penuh dengan air' kerana hakikatnya kedua-duanya merupakan pernyataan yang sama dengan nama yang lain sahaja. Ia seperti mengatakan Ahmad merupakan seorang lelaki dan Ahmad bukannya seorang wanita. Jadi, sebenarnya tidak berlaku suatu perselisihan ataupun percanggahan (*ikhtilaf*) kerana keduanya merupakan pernyataan yang sama pada sudut makna. Oleh itu, sebenarnya mereka masih tiada bukti untuk membuktikan kebenaran ucapan mereka tersebut dan ia hanya semata-mata keraguan mereka.

Kritikan 2: Kebenaran itu Relatif

Seperti yang dibawa aliran *al-'indiyyah*, kebenaran itu bersifat relatif dan nisbi berbuktikan madu itu apabila berada di lidah individu yang demam akan terasa pahit manakala di lidah individu yang sihat akan terasa manis. Begitu juga dengan situasi perspektif nombor enam dan sembilan. Berkenaan dengan isu madu tersebut, kenyataan merupakan falasi dan kesilapan berhujah yang jelas kerana hakikat dan kebenaran sesuatu perkara perlu diteliti daripada satu perspektif yang sama. Sebagai contoh, apakah hakikat kemanisan madu? Adakah ia benar-benar manis ataupun tidak?

²⁰ Sebagai contoh, apabila disebutkan sebahagian manusia sedang tidur dan juga sebahagian manusia sedang berjaga, ia tidak melazimkan *tanaquḍ* kerana kuantiti bagi kedua-dua pernyataan tersebut ialah sama kerana keduanya merujuk kepada sebahagian manusia sahaja. Kuantiti ini disebutkan sebagai *juz 'iyyah*. Bagi pernyataan yang merujuk kepada sebahagian subjek sahaja, pernyataan yang bercanggah dengannya perlulah merujuk kepada keseluruhan subjek untuk dinilai sebagai *tanaquḍ*. Perujukan tersebut dinamakan sebagai *kulliyah*. Oleh itu, percanggahan yang sebenar bagi contoh ini ialah semua manusia sedang berjaga dan sebahagian manusia sedang tidur.

Untuk mengetahui kebenaran dan hakikat tersebut, individu-individu yang mempunyai lidah yang sihat jua lah berhak untuk menilai kemanisannya kerana lidah berfungsi sebagai alat yang mempunyai deria rasa. Seandainya seseorang itu ditimpa sakit yang menyebabkan deria rasanya bermasalah, maka penilaiannya juga akan bermasalah²¹. Sebagai contoh, seseorang yang celik melihat alam ini diterangi dengan cahaya matahari. Namun seandainya seseorang yang buta tidak melihat perkara tersebut, ia tidak bermaksud bahawa alam ini tidak diterangi dengan cahaya matahari kerana alat penglihatan si buta itulah yang bermasalah sebenarnya. Oleh itu, kebenaran tetap terbukti satu dan tidak berubah-ubah.

Berkenaan dengan perspektif nombor enam dan sembilan, ia tidak dianggap sebagai kebenaran yang pelbagai pada satu pernyataan kerana apabila perspektif yang dilihat itu berbeza, maka ia sudah menjadi suatu pernyataan yang lain. Percanggahan yang sebenar akan berlaku seandainya terdapat dua orang individu melihat angka yang berbeza pada perspektif yang sama. Pada ketika itu, seandainya berlaku perbezaan, mustahil keduanya benar pada satu masa bahkan pastinya salah satu sahaja yang benar. Melalui penerangan ini, memadailah untuk mengetahui bahawa kebenaran itu tidak bersifat relatif dan juga berubah-ubah mengikut sudut pandang yang berbeza.

Kritikan 3: Kebenaran itu Mampu Dicapai dan Diketahui

Sebagai reaksi kepada kelompok *al-'Inadiyyah* yang membawa naratif ketidakmampuan manusia untuk mencapai kebenaran yang hakiki, al-Taftazani mencadangkan suatu jawapan yang bersifat *mantiqi* iaitu dengan menggunakan konsep *tanaqud* yang dibincangkan dalam ilmu mantik. Beliau menjelaskan bahawa sebahagian daripada hakikat perkara kita mampu mencerapnya dengan indera dan akal. Apabila kelompok *al-'Inadiyyah* mendakwa bahawa kesemua hakikat ini tidak dapat dicerap, maka berlaku pertembungan dan kontradiksi yang sebenar²². Hal ini kerana dakwaan mereka bersifat penafian secara umum (*salibah kulliyah*) manakala kenyataan al-Taftazani pula bersifat

²¹ Menurut al-Taftazani, masalah ini hanya berpunca daripada faktor-faktor minor ataupun *juz'i* yang tidak memberi kesan pada keautoritian lidah yang sihat untuk menilai kemanisan madu. Lihat al-Taftazani, *Sharh al-'Aqa'id al-Nasafiyyah*, 28.

²² al-Taftazani, *Sharh al-'Aqa'id al-Nasafiyyah*, 27-28.

pengisbatan secara sebahagian (*mujabah juz'iyah*) yang mana keduanya tidak boleh dinafikan mahupun diterima secara serentak kerana keduanya saling bertentangan (*naqidan*). Oleh itu, jika terbukti benar salah satu maka ternafilah lawannya. Inilah asas logik dalam sesuatu ucapan.

Oleh itu, al-Taftazani menegaskan bahawa sebahagian hakikat dapat dicerap berdalilkan kemampuan indera dan akal untuk mencerap maklumat²³. Perkara ini tidak mampu dinafikan kelompok *al-'Inadiyyah*. Demikian itu, kenyataan beliau terbukti benar dan secara tidak langsung menatijahkan kebatilan kelompok *al-'Inadiyyah*.

Filem Mentega Terbang: Pengenalan dan Latar Belakang

Filem Mentega Terbang merupakan sebuah filem arahan Khairi Anwar yang ditayangkan pada 28 November 2021. Filem ini secara ringkasnya merupakan kisah mengenai seorang remaja perempuan yang bernama Aisyah yang sedang mencari hakikat kehidupan setelah mati. Usaha Aisyah mencari tersebut berpunca daripada ibunya yang menghidap penyakit kanser terminal dan dijangka tidak mempunyai jangka hidup yang lama. Oleh itu, Aisyah ingin mencari jawapan mengenai destinasi yang bakal ibunya akan pergi setelah kematian kelak. Pencariannya itu merentasi pelbagai agama dan buku kepercayaan. Antara ajaran agama yang terlibat dalam pencariannya ialah Islam, Kristian, Hindu dan beberapa lagi ajaran mistik dan kuno. Filem ini telah disiarkan di platform penstriman Viu pada 19 Januari 2023 lalu penyiaran tersebut ditarik semula daripada disiarkan.²⁴

Filem ini telah mendapat tentangan yang kuat serta telah terbukti menimbulkan kontroversi. Hal ini disebabkan dialog dan adegan yang dimuatkan dalam filem ini mengandungi pelbagai fahaman yang bertentangan dengan Islam serta mempunyai unsur penghinaan terhadap pegangan sesuatu agama. Bekas Mufti Wilayah Persekutuan Zulkifli Mohamad al-Bakri menegaskan bahawa filem ini jelas mengandungi terlalu banyak unsur penghinaan agama serta kecelaruan pemikiran dalam mencari

²³ al-Taftazani, *Sharh al-'Aqa'id al-Nasafiyah*.

²⁴ Hasif Idris, "Enam Babak Mentega Terbang Menggugat Akidah", *Utusan Malaysia*, diakses pada 17 April 2023, <https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/enam-babak-mentega-terbang-gugat-akidah/>

kebenaran²⁵. Antara unsur penghinaan agama yang terkandung dalam filem ini ialah adegan seorang Muslim meminum *holy water* dan juga seorang penganut Hindu memakan daging lembu.

Analisis Pengaruh Falsafah Al-Sufasta'iyah dalam Filem Mentega Terbang

Selain daripada isu-isu sensitiviti keagamaan, pengaruh falsafah *al-sufasta'iyah* dilihat agak ketara dalam filem ini. Falsafah *al-sufasta'iyah* secara umumnya dikritik keras daripada sudut perbincangan epistemologi ataupun disebutkan sebagai *nazariyyah al-ma'rifah*. Secara umumnya, epistemologi merupakan perbincangan mengenai hakikat ilmu serta perkara yang berkait dengan pengetahuan. Menurut Hasan Mahmud al-Shafi'i, perbincangan mengenai epistemologi dalam falsafah Islam akan berlegar pada empat perkara:

- i. Sumber ilmu serta bagaimana ini memperoleh pengetahuan (*masadir al-ma'rifah*).
- ii. Hakikat ilmu serta tabiatnya (*mahiyah al-ma'rifah wa tabi'atuha*).
- iii. Definisi ilmu serta nilainya (*hudud al-ma'rifah wa qimatuha*).
- iv. Keharusan memperoleh ilmu dan pengetahuan (*imkan al-ma'rifah*)²⁶.

Menurut Abu Hafs Umar bin Muhammad al-Nasafi (w. 461 H), terdapat tiga sumber ilmu yang diiktiraf di sisi *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* iaitu:

²⁵ Zulkifli Mohamad al-Bakri, "Ulasan Mengenai Filem Kontroversi 'Mentega Terbang,'" *Harakah Daily*, diakses pada 17 April 2023, <https://harakahdaily.net/index.php/2023/03/07/ulasan-mengenai-filem-kontroversi-mentega-terbang/>

²⁶ Al-Shafi'i, Hasan Mahmud, *al-Madkhal ila al-Falsafah al-'Ammah* (Kaherah: Dar al-Basa'ir, 2012), 94-95.

- i. Pancaindera yang sihat (*al-hawas al-salimah*).
- ii. Perkhabaran yang benar (*al-khabar al-sadiq*)²⁷.
- iii. Akal²⁸.

Oleh itu, setiap maklumat dan pengetahuan yang diperoleh daripada salah satu daripada tiga sumber ini bersifat ilmu dan ia boleh dipercayai. Namun, untuk mencapai tahap ia disifatkan sebagai benar, ia memerlukan kepada pendalilan seandainya tidak bersifat asasi (*badihi*). Daripada itu, kebenaran bagi sesuatu perkara merupakan perkara yang harus dan boleh untuk dicapai manusia. Ini antara yang membezakan antara falsafah Islam dan juga falsafah *al-sufasta 'iyyah al-'inadiyyah* yang menolak keharusan untuk mencapai kebenaran sesuatu perkara.

Analisis 1: Kebenaran Sesuatu Agama Hanya Diketahui Setelah Kematian

Dalam babak di hujung filem tersebut, apabila Aisyah dan ayahnya sedang bersama-sama menjamu makan malam, ayahnya ingin berbual dengannya melalui topik berkenaan ibunya dengan nada yang berseloroh. Ayahnya bertanya kepadanya, “*Aisyah, do you think this could be mama?*” Aisyah kelihatan tidak selesa dengan jenaka tersebut kerana dia beranggapan ibunya akan memasuki syurga kerana dia merupakan seorang Muslim. Lalu, ayahnya berkata kepadanya, “*If there is another religion that speaks to you more than Islam, if there is another faith that speaks to you on a deep personal level and if you feel that you want to convert or peluk agama lain, go ahead sayang. I mean this.*”²⁹

Setelah itu, ayahnya menceritakan bahawa dahulunya dia juga melalui fasa perasaan ingin tahu dan mencari kebenaran lantas membawa kepada akhirnya dia memilih Islam sebagai agama yang dianuti. Aisyah bertanya setelah itu kepada ayahnya, “*Do you think*

²⁷ Al-Nasafi menegaskan bahawa perkhabaran yang benar itu mempunyai dua kategori:

- i. Perkhabaran yang dibawa oleh jumlah yang ramai sehingga mustahil secara adatnya mereka itu ingin berbohong dengan sengaja. Perkhabaran ini bersifat *mutawatir*.
- ii. Perkhabaran rasul yang disokong dengan mukjizat. Lihat al-Taftazani, *Sharh al-'Aqa'id al-Nasafiyyah*, 33-34.

²⁸ Al-Taftazani, *Sharh al-'Aqa'id al-Nasafiyyah*, 29.

²⁹ Khairi Anwar, “*Mentega Terbang*”, minit 1:38:00 (Kuala Lumpur, Anomalist Production, 2021).

Islam is the one true religion? Lalu ayahnya menjawab, “*That is my faith. That is my journey and that is why it called faith. Kepercayaan. You will never know until you die. Mama dah tahu. We just have to wait to our turn to know the truth.*”

Dialog tersebut jelas mempunyai pengaruh dan unsur falsafah *al-sufasta'iyah al-la'adriyyah* yang berpegangan bahawa kebenaran sesuatu perkara itu tidak boleh dicapai ketika di dunia ini. Meskipun ia bukanlah versi yang sama secara seratus peratus, namun ia berakarkan sebuah ideologi yang sama iaitu ketidakmampuan manusia untuk membuktikan kebenaran sesuatu perkara secara yakin. Pengetahuan yang dicapai ketika di dunia ini masih boleh diragui dan tidak akan mencapai tahap yang meyakinkan. Pemikiran ini berpunca daripada mengehendkan pembuktian kebenaran pada perkara yang fizikal dan empirikal serta tidak mengiktiraf kemampuan akal untuk membuktikan kebenaran perkara yang bersifat metafizik. Pegangan ini juga dapat dilihat pada pemikir tokoh skeptisisme moden David Hume (m. 1776 M.). Menurut Khalif Muammar A. Harris, Hume merupakan seorang empirisis dan skeptik. Hume menegaskan bahawa kewujudan Tuhan tidak dapat dibuktikan kerana tidak ada individu dapat mengetahui mengenai Tuhan³⁰. Tokoh ilmu kalam Turki abad ke-20 Masihi Mustafa Sabri (w. 1954 M.) menegaskan bahawa pelopor falsafah moden amat sensitif dan mengkritik kaedah ilmuwan Islam membuktikan kewujudan Tuhan dengan pendalilan logik akal kerana pengagungan mereka terhadap sains. Ironisnya, mereka turut mengakui keterbatasan sains dalam mencerap pelbagai pengetahuan yang mampu dicapai akal sekali gus melazimkan mereka mengakui kehebatan akal berbanding sains secara tidak sedar³¹.


Kritikan Berdasarkan Falsafah Islam: Kebenaran Dapat Dicerap Melalui Akal

Untuk mengkritik ucapan ayah Aisyah tersebut, kita perlu mengetahui dahulu bahawa akal menurut falsafah Islam merupakan

³⁰ Khalif Muammar A. Harris, “Krisis Ilmu dan Kebenaran di Zaman Moden,” dalam *Thinking Framework*, sun. Muhammad Zainiy Uthman, Suleiman Mohammed Hussein Boayo dan Mohd Hilmi Ramli (Kuala Lumpur: Raja Zarith Sofiah Center for Advanced Studies on Islam, Science and Civilisation Universiti Teknologi Malaysia, 2020), 50.

³¹ Mustafa Sabri, *Mawqif al-'Aql wa al-'Ilm wa al-'Alam min Rabb al-'Alamin wa 'Ibadihi al-Mursalin* (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1981), 2:275-278.

sumber ilmu yang diiktiraf dan pancaindera bukanlah satu-satu jalan untuk membuktikan kebenaran. Apabila premis ini sudah diterima, maka seseorang itu perlu menerima bahawa tidak semua pengetahuan (*al-ma'lum*) itu bersifat fizik dan empirik sehingga boleh dicerap dengan pancaindera. Sebahagiannya bersifat abstrak dan juga di luar capaian indera dan fizik. Sebagai contoh, dalam ilmu matematik, terdapat suatu perbincangan dalam bab trigonometri bahawa seandainya sesuatu segi tiga bersudut tegak, maka secara pasti kuasa dua bagi hipotenus (sisi yang berlawanan dengan sudut 90 darjah bagi segi tiga tersebut, ditandakan sebagai 'c' dalam rajah berikut) adalah sama dengan hasil tambah kuasa dua bagi dua sisi lain (ditandakan sebagai 'a' dan 'b'). Ini merupakan formula asas bagi Teorem Pythagoras. Perkara ini tidak dapat disanggah mana-mana manusia kerana ia merupakan maklumat yang dibuktikan melalui penaakulan akal semata dan ia tidak memerlukan kepada sebarang perkara yang bersifat fizikal untuk membuktikannya.



Gambar Rajah 2: Konsep Teorem Pythagoras

Antara contoh lain yang boleh diketengahkan ialah seandainya seseorang itu mendapati bahawa keretanya dicuri, secara langsung dia akan mengetahui bahawa ada seseorang telah mencuri keretanya kerana akalnya secara rasional merumuskan bahawa keretanya tidak mampu menghilangkan diri dengan sendirinya bahkan mesti terdapat seseorang yang pandai memandu telah melarikannya. Pengetahuan dan kesimpulan yang dirumuskan ini hanya semata-mata melalui penaakulan akal dan bukannya melibat indera kerana dia sendiri tidak melihat kewujudan pencuri tersebut. Namun disebabkan wujudnya kesan daripada pencuri tersebut iaitu

kehilangan kereta, dia merumuskan kewujudan pencuri tersebut³². Ini yang ditekankan dalam tradisi ilmu falsafah Islam bahawa pengetahuan itu tidak semestinya diperoleh dengan indera bahkan sebahagiannya terhad untuk indera dan perlu kepada akal seperti perkara yang di luar capaian pancaindera.

Oleh itu, untuk membuktikan kebenaran sesuatu agama tidak semestinya perlu kepada untuk melihat Tuhan yang sebenar sepertimana permintaan kaum Nabi Musa a.s. yang meminta untuk melihat Allah SWT sebagai syarat untuk beriman akan kewujudannya. Agama yang benar dapat dibuktikan melalui hujah yang bersifat logik dan kukuh dan Islam merupakan satu-satunya agama yang mempunyai kekuatan daripada aspek wahyu (*naqli*) dan logik (*aqli*). Namun untuk membuktikan kebenaran Islam berbanding agama lain, kajian ini bukanlah tempat yang selayaknya.

Dalam suatu babak yang lain, Aisyah sedang menonton televisyen bersama ibunya. Lalu mereka berbual mengenai konsep kehidupan setelah mati (*afterlife*) menurut kefahaman beberapa agama yang berbeza. Lalu, Aisyah bertanya kepada ibunya, “*But which one is true?*” Ibunya menjawab, “*Who knows?*”³³ Dialog tersebut jelas menunjukkan buah dan hasil daripada pokok pemikiran yang sama iaitu ketidakmampuan manusia untuk mencapai pengetahuan mengenai kebenaran perkara yang di luar alam fizikal ini. Oleh itu, pengaruh *al-La'driyyah* jelas dapat dilihat daripada babak-babak tersebut namun dengan versi yang berbeza.

Analisis 2: Kebenaran ialah Kepercayaan Individu

Dalam filem ini, antara ideologi yang jelas diketengahkan ialah pluralisme agama yang berakarakan falsafah *al-sufasta'iyah al-indiyyah* ataupun relativisme. Dalam babak ketika Aisyah bermimpi sedang bersama ibunya di taman, Aisyah sedang berbual dengan ibunya mengenai kepercayaan ibunya. Dia berkata kepada ibunya, “*Did you think about it? Changing your religion to be reincarnated.*” Aisyah justeru menjelaskan bahawa kepercayaan Hinduisme dan Buddha menawarkan pelbagai solusi untuk bersama

³² Kaedah ini digelar sebagai pendalilan terhadap sebab melalui musabab (*al-istidal bi al-musabbab 'ala al-sabab*). Ia merupakan salah satu daripada empat kaedah pendalilan perkara berkaitan sebab dan musabab dalam ilmu kalam. Lihat al-Hamidi, Isma'il bin Musa, *Hawash 'ala Sharh al-Kubra li al-Sanus* (Kaherah: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, 1936), 101.

³³ Minit 45:30, *Mentega Terbang*.

setelah sudah mati meskipun dengan bentuk hidupan yang berbeza³⁴. Ibunya cuba menjelaskan bahawa Islam mengajarkan bahawa syurga itu sebagai tempat kembali seorang Muslim namun belum sempat ibunya menghabiskan ayatnya, Aisyah mencelah, “*Mama, how do you know Islam is right?*” Lalu ibunya menjawab, “*Well because it’s what I believe in.*”

Melalui dialog di atas, dapat dilihat dengan jelas unsur kenisbian kebenaran yang berpaksikan falsafah *al-‘indiyyah* tersebut. Apabila Aisyah bertanya kepada ibunya mengenai cadangannya untuk menukar agama, Aisyah bertanya dalam keadaan ingin menggesa ibunya untuk menukar agama daripada seorang Islam kepada seorang Hindu ataupun Buddha dengan hasrat agar ibunya masih bersamanya setelah mati. Hal ini kerana Hinduisme mempunyai doktrin reinkarnasi yang berasaskan konsep perpindahan roh daripada satu bentuk jasad ke bentuk yang lain berdasarkan amalan ketika kehidupan sebelumnya³⁵. Gesaan Aisyah terhadap ibunya untuk memeluk agama Hindu berpunca daripada kepercayaan bahawa sesiapa yang mempercayai kepercayaan agama Hindu ataupun memeluk agama tersebut sebelum kematiannya, reinkarnasi akan berlaku kepada dirinya. Ia menunjukkan bahawa kepercayaan terhadap reinkarnasi itulah yang menyebabkan reinkarnasi itu benar dan akan berlaku. Pemikiran ini merupakan hasil falsafah *al-‘indiyyah* yang jelas menekankan kebenaran itu ialah perkara yang dipercayai seseorang. Aisyah khuatir seandainya ibunya pergi ke syurga kerana ibunya merupakan seorang Muslim, Aisyah perlu menunggu dengan tempoh yang lama untuk bertemu dengannya di syurga. Justeru, babak ini menguatkan lagi kenyataan bahawa Aisyah meyakini kebenaran itu mengikuti kepercayaan seseorang kerana seandainya ibunya mempercayai Islam, reinkarnasi tidak akan berlaku justeru ibunya akan syurga dan itulah kebenaran yang akan berlaku.

³⁴ Kepercayaan ini dinamakan sebagai reinkarnasi ataupun *tanasukh al-arwah* iaitu kepercayaan bahawa roh seseorang akan berpindah jasad apabila sudah mati berdasarkan amalan ketika kehidupan tersebut. Kepercayaan ini dikritik keras oleh ilmuwan kalam melalui karya mereka semisal Shams al-Din Mahmud bin ‘Abd al-Rahman al-Asfahani (w. 749 H) menerusi *Tasdid al-Qawa’id fi Sharh Tajrid al-‘Aqa’id*. Lihat al-Asfahani, Shams al-Din Mahmud bin ‘Abd al-Rahman, *Tasdid al-Qawa’id fi Sharh Tajrid al-‘Aqa’id*, tahqiq Muhammad ‘Ali Quja (Beirut: Dar al-Rayahin, 2020), 2:205-206.

³⁵ Al-Shahrastani, Muhammad bin ‘Abd al-Karim, *al-Milal wa al-Nihal*, tahqiq Ahmad Fahmi Muhammad (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1992), 714.

Tambahan pula, dialog ibunya “*Well because it’s what I believe in*” sebagai jawapan kepada persoalan Aisyah itu untuk menunjukkan dengan jelas bahawa ibunya turut terkesan dengan falsafah *al-‘indiyyah* ini. Ibunya meyakini Islam sebagai agama yang benar hanya semata-mata kerana dia mempercayainya dan tidak didasari dengan sebarang bukti ataupun penjelasan. Pemikiran sebegini sebenarnya tidak mewakili Islam secara menyeluruh bahkan hanya memberikan gambaran yang negatif bahawa umat Islam itu seolah-olah hanya bersikap dogmatik dan tidak mempunyai sebarang bukti yang menyokong kepercayaan mereka. Pemikiran ini dinamakan sebagai *al-taqlid* dalam tradisi Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah³⁶.

Kritikan Berdasarkan Ilmu Kalam: Kebenaran Itu Tetap (Haqa’iq al-Ashya’ Thabitah) dan Tidak Berubah Mengikut Kepercayaan

Pemikiran *al-‘indiyyah* yang mempengaruhi Aisyah dan ibunya sebenarnya merupakan pemikiran yang penuh keclaruan dan kepincangan dalam pencarian kebenaran. Pemikiran ini amat wajar dikritik kerana kepercayaan seseorang tidak mampu mengubah realiti sesuatu perkara. Seandainya seseorang itu meyakini bahawa air laut itu manis, ia tidak sesekali akan mengubah hakikat bahawa air laut itu masin hanya disebabkan kepercayaannya. Khalif Muammar turut menegaskan bahawa sarjana barat turut mengakui bahawa pemikiran sebegini menyempitkan keupayaan manusia untuk mencapai kebenaran yang sebenar dan juga membuktikan hakikat sesuatu perkara³⁷.

Pemikiran *al-‘indiyyah* ini turut menjadi batu asas kepada beberapa lagi aliran falsafah Barat seperti eksistensialisme³⁸.

³⁶ Al-Sanusi, Muhammad bin Yusuf, *Umdah Ahl al-Tawfiq wa al-Tasdid fi Sharh ‘Aqidah Ahl al-Tawhid al-Musammah bi Sharh al-‘Aqidah al-Kubra*, tahqiq Anas al-Sharfawi (Damsyik: Dar al-Taqwa, 2019), 141-142.

³⁷ Khalif Muammar A. Harris, “Sekularisasi Etika dan Krisis Moral Masa Kini: Secularisation of Ethics and Contemporary Moral Crisis,” *AFKAR: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 23 no.2 (2021):121-70.

³⁸ Ia merujuk kepada pemikiran untuk menyelesaikan masalah sosial melalui penekanan terhadap makna dan hakikat kewujudan manusia. Falsafah ini merupakan reaksi balas terhadap kezaliman sistem sosial yang diterapkan di Barat yang tidak mengangkat dan menghargai martabat seorang manusia. Antara tokoh penting yang terawal dalam mempromosikan falsafah ini ialah Soren Kierkegaard (m. 1855 M.). Alparslan Açikgenç, *Being and Existence in Sadra and Heidegger: A Comparative Ontology* (Kuala Lumpur: ISTAC, 1993), 7.

Menurut Azmil Zainal Abidin, tokoh eksistensialis semisal Kierkegaard (m.1855 M.), Heidegger (m. 1976 M.), Jaspers (m. 1969 M.) dan Sartre (m. 1980 M.) menegaskan manusia berhak mencipta kebenaran mengenai nilai etika dengan sendirinya tanpa perlu bergantung kepada wahyu ataupun masyarakat³⁹. Melalui fakta ini, pemikiran *al-'indiyyah* amat berbahaya dan penting untuk ditangani kerana terbukti wujud pelbagai falsafah menyeleweng yang bernuansakan pemikiran ini.

Menurut tradisi ilmu kalam, kebenaran (*haqq*) itu ialah perkhabaran yang menepati realiti yang sebenar. Oleh itu, kebenaran sesuatu perkara diukur melalui ketepatan sesuatu perkara dengan realiti⁴⁰. Kepercayaan yang utuh dan dianggap sebagai keimanan yang sejati di sisi Islam berpasakkan tiga tiang utama:

- i. Keyakinan (*al-jazm*): kepercayaan terhadap sesuatu perkara perlu mencapai tahap yakin iaitu sehingga tidak ada sebarang keraguan terutamanya berkisarkan ketuhanan, kenabian dan juga perkara ghaib yang dikhabarkan wahyu. Umat Islam tidak dibenarkan untuk meragui perkara yang dibawakan oleh Islam khususnya berkaitan prinsip-prinsip asasi yang terkandung dalam Islam. Seandainya muncul keraguan, terus bertanyakan kepada ilmuwan ataupun ulama yang berautoriti untuk menjawab persoalan dan keraguan yang ada agar akal kita yang lemah tidak memandaimandai dalam merumuskan konklusi.
- ii. Benar (*al-mutabiq*): kepercayaan yang diiktiraf ialah kepercayaan yang menepati kebenaran dan realiti sesuatu perkara. Melalui elemen ini, seseorang itu tidak boleh mempercayai sesuatu perkara secara semberono tanpa menitikberatkan kebenaran perkara tersebut

³⁹ Azmil Zainal Abidin, "Tafsiran Eksistensialisme Terhadap Makna Kewujudan Manusia: Analisis Kritis Muhammad Sa'id Ramdan Al-Buti," *Jurnal Usuluddin* 51, no.1 (2023): 1-28, <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol51no1.1>.

⁴⁰ Al-Taftazani, Mas'ud bin Umar, *Sharh al-Maqasid*, tahqiq 'Abd al-Rahman Umayrah (Beirut: 'Alam al-Kutub, 1998), 1:199-200 dan al-Taftazani, *Sharh al-'Aqa'id al-Nasafiyyah*, 26.

sekali gus membuktikan Islam merupakan agama yang mengangkat nilai kebenaran mutlak sebagai perkara yang perlu dipegang kukuh oleh umatnya.

- iii. Berpaksikan Bukti (*bi dalil*): kepercayaan benar yang benar-benar kukuh ialah apabila ia berpaksikan dalil ataupun bukti. Elemen inilah yang mengangkat kedudukan Islam sebagai agama yang amat menegaskan fakta dan bukti ketika berhujah. Ini dapat dilihat dengan jelas melalui penggunaan kalimah *al-burhan* dan *al-hujjah* yang terkandung dalam al-Quran sebagai cabaran buat orang kafir yang ingin membantah kebenaran Islam. Elemen ini turut membuktikan Islam merupakan agama yang faktual dan ilmiah⁴¹.

Menurut kerangka kalam, kebenaran ialah apabila sesuatu ucapan ataupun keyakinan bertepatan dengan realiti perkara yang diucapkan dan diyakini tersebut⁴². Realiti sesuatu perkara bukanlah perkara yang berubah-ubah hanya semata kerana seseorang itu ingin mempercayai realitinya ataupun tidak. Realiti sesuatu perkara disebutkan *nafs al-amr* dalam tradisi kalam⁴³. Demikian itu, benar atau salah sesuatu keyakinan bukanlah berdasarkan keinginan empunya keyakinan, akan tetapi ketepatan keyakinan tersebut dengan realitinya.

Melalui fakta ini, dapat dilihat dengan jelas bahawa usaha pencarian kebenaran yang dilakukan Aisyah tersebut tidak menepati ciri kepercayaan yang kukuh menurut tradisi Islam. Kepercayaannya amat rapuh dan mudah untuk dimanipulasi kerana ia tidak berpaksikan sebarang hujah ataupun bukti yang kukuh. Dia hanya mempercayai sesuatu kepercayaan yang ada dalam mana-

⁴¹ Tiga prinsip ini amat ditekankan di awal pembelajaran ilmu akidah dan ilmu kalam berdasarkan acuan dan metode Muhammad bin Yusuf al-Sanusi (w. 895 H). Lihat al-Sanusi, Muhammad bin Yusuf, *Sharh al-'Aqidah al-Sughra*, tahqiq Anas al-Sharfawi (Damsyik: Dar al-Taqwa, 2019), 126-127.

⁴² Ahmad bin Muhammad, *Hashiah Qawl Ahmad 'ala al-Fawa'id al-Fanariyyah*, tahqiq Abu Ja'far al-Zahiri (Istanbul: Dar Tahqiq al-Kitab, 2019), 303.

⁴³ Al-Dawwani, Muhammad bin As'ad, *Sharh Risalah Nafs al-Amr*, tahqiq Sa'id Fudah (Amman: al-Aslayn, 2018), 53-54.

mana agama hanya semata-mata kerana dia mempercayainya tanpa sebarang bukti yang konkrit. Oleh itu, pemikiran *al-'indiyyah* ataupun relativisme ini tidak sepatutnya dipromosikan di Malaysia secara khususnya.

Kesimpulan

Melalui hasil dapatan serta fakta yang dikemukakan, kajian ini merumuskan bahawa filem *Mentega Terbang* sememangnya mengandungi pemikiran yang dipengaruhi falsafah *al-sufasta 'iyyah* terutamanya *al-la'adriyyah* dan juga *al-'indiyyah* dengan naratif yang baharu serta variasi yang berbeza. Namun akarnya masih sama dan tidak bercanggah dengan pembawaan asal falsafah tersebut. Filem ini amat bermasalah dan bercanggah dengan akidah sebenar yang dibawa Islam melalui kepincangan pemikiran dalam pencarian ilmu serta kefahaman yang benar mengenai epistemologi ilmu.

Kajian ini turut merumuskan bahawa falsafah *al-sufasta 'iyyah* masih belum pupus ditelan zaman dan masa sekali gus menguatkan lagi kenyataan bahawa ilmu kalam dan falsafah Islam itu amat diperlukan bagi menjaga umat Islam daripada terkena serangan pemikiran daripada sebarang falsafah yang sesat. Selama mana serangan pemikiran tidak berhenti menyerang, selama itulah ilmu kalam relevan sekali gus mengangkat kelegimitasiannya sebagai barisan hadapan pertahanan akidah umat Islam.

Kajian ini juga membuktikan bahawa konsep ilmu dan kebenaran yang dibawa Islam merupakan versi yang terbaik dalam memahami ilmu serta kebenaran. Islam menyediakan rangka umum yang jelas mengenai ilmu dan kebenaran dengan menjelaskan terlebih dahulu sumber-sumber ilmu yang diiktiraf lalu diikuti dengan tiga prinsip ilmu yang diiktiraf iaitu *al-jazm*, *al-mutabiq* dan *bi dalil* yang dirumuskan melalui ilmu kalam sekali gus membuktikan Islam merupakan agama yang kaya dengan hujah dan bukti serta faktual dalam membuktikan kebenaran. Tradisi Islam kaya dengan pelbagai ilmu yang dapat dimanfaatkan dalam menegakkan kebenaran akidah Islam semisal ilmu kalam dan ilmu perdebatan yang dikenali sebagai ilmu *adab al-bahth wa al-munazarah*⁴⁴. Kedua ilmu ini perlu dibumikan di Tanah Air

⁴⁴ Lihat kajian penulis yang berjudul '*Aplikasi Ilmu Adab Al-Bahth Wa Al-Munazarah Dalam Isu Ru'yah Allah*' untuk melihat aplikasi dan kepentingan ilmu ini dalam konteks akidah dan pemikiran. Mohd Saiful Aqil Saful Naim and Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul

terutamanya dalam kalangan pelajar pengajian Islam sebagai persediaan mereka untuk menghadapi pelbagai serangan pemikiran khususnya akidah umat Islam.

Sebarang usaha untuk menggugat kepercayaan Islam di Malaysia amat perlu untuk dihalang dan disekat sama ada usaha tersebut melalui perfileman seperti filem Mentega Terbang ataupun dengan apa sahaja cara kerana Islam sudah kaya dengan bukti dan keyakinan. Ia tidak perlu untuk digugat dengan apa jua bentuk keraguan.

Rujukan

- Abdul Rahman Abdullah. *Wacana Falsafah Barat: Tinjauan dan Kritikan*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia, 2016.
- Ahmad Muhammad. *Hashiah Qawl Ahmad 'ala al-Fawa'id al-Fanariyyah*. Tahqiq Abu Ja'far al-Zahiri. Istanbul: Dar Tahqiq al-Kitab, 2019.
- Ahmad, Md. Asham. "Feminisme Islami: Suatu Kritikan Terhadap Faham Keadilan Musawah". *AFKAR: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 24, no.1 (2022): 1-32.
- Al-Asfahani, Shams al-Din Mahmud Abd al-Rahman. *Tasdid al-Qawa'id fi Sharh Tajrid al-Aqa'id*. Tahqiq Muhammad 'Ali Quja. Beirut: Dar al-Rayahin, 2020.
- Azmil Zainal Abidin. "Tafsiran Eksistensialisme Terhadap Makna Kewujudan Manusia: Analisis Kritis Muhammad Sa'id Ramdan Al-Buti." *Jurnal Usuluddin* 51 no. 1 (2023): 1-28.
- Al-Balanburi, Sa'id Ahmad. *Mabadi' al-Falsafah*. Karachi: Maktabah al-Bushra, 2011.
- Bertrand Russell. *A History of Western Philosophy*. Terjemahan Muhammad Fathi al-Shanti. Kaherah: al-Hay'ah al-Misriyyah al-Ammah li al-Kitab, 1970.
- Al-Dawwani, Muhammad As'ad. *Sharh Risalah Nafs al-Amr*. Tahqiq Sa'id Fudah. Amman: Al-Aslayn. 2018.
- Frederick Copleston. *A History of Philosophy*. England: Search Press Ltd, 1946.

Rahman, "Aplikasi Ilmu Adab Al-Bahth Wa Al-Munazarah dalam Isu Ru'yah Allah," *Jurnal Usuluddin* 50 no.2 (2022):33-44. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol50no2.3>.

- Al-Hamidi, Isma' il Musa. *Hawash 'ala Sharh al-Kubra li al-Sanusi*. Kaherah: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, 1936.
- Hasif Idris. "Enam Babak Mentega Terbang Menggugat Akidah", *Utusan Malaysia*. Diakses pada 17 April 2023, <https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/enam-babak-mentega-terbang-gugat-akidah/>
- Khalif Muammar A. Harris. "Krisis Ilmu dan Kebenaran di Zaman Moden." Dalam *Thinking Framework*. Suntingan Muhammad Zainiy Uthman, Suleiman Mohammed Hussein Boayo dan Mohd Hilmi Ramli. Kuala Lumpur: Raja Zarith Sofiah Center for Advanced Studies on Islam, Science and Civilisation Universiti Teknologi Malaysia, 2020.
- Khalif Muammar A. Harris. "Sekularisasi Etika Dan Krisis Moral Masa Kini: Secularisation of Ethics and Contemporary Moral Crisis". *AFKAR: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 23 no.2 (2023): 121-70.
- Al-Khayyali, Ahmad bin Musa. *Hashiah al-Khayyali 'ala Sharh al-Aqa'id*. Tahqiq Mar'i Hasan. Lubnan: Dar al-Nur al-Sabah, 2012.
- Al-Kurani, Ilyas Ibrahim. *Hashiah Ilyas al-Kurani ala Sharh al-Taftazani li al-Aqa'id al-Nasafiyyah*. Tahqiq Bashir Barman. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2017.
- Mohd Saiful Aqil Saful Naim and Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. "Aplikasi Ilmu Adab Al-Baith Wa Al-Munazarah dalam Isu Ru'yah Allah." *Jurnal Usuluddin* 50 no.2 (2022): 33-44.
- Muhammadin, Fajri Matahati and Mohd Hisham Mohd Kamal. "The Western Universalism V. Cultural Relativism Debate on Human Rights and Islam: An Aqidah-Based Approach". *AFKAR: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 21 no.2 (2019): 175-216.
- Mustafa Sabri. *Mawqif al-Aql wa al-'Ilm wa al-Alam min Rabb al-Alamin wa 'Ibadihi al-Mursalin*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi, 1981.
- Alparslan Açikgenç. *Being and Existence in Sadra and Heidegger: A Comparative Ontology*. Kuala Lumpur: ISTAC, 1993.

- Rush Rhees. *In Dialogue with The Greeks*. Suntingan D.Z Philips. Hampshire: Ashgate Publishing Limited, 1934.
- Al-Sanusi, Muhammad bin Yusuf. *Umdah Ahl al-Tawfiq wa al-Tasdid fi Sharh Aqidah Ahl al-Tawhid al-Musammah bi Sharh al-Aqidah al-Kubra*. Tahqiq Anas al-Sharfawi. Damsyik: Dar al-Taqwa, 2019.
- _____, Muhammad bin Yusuf. *Sharh al-Aqidah al-Sughra*. Tahqiq Anas al-Sharfawi. Damsyik: Dar al-Taqwa, 2019.
- Al-Shafi'i, Hasan Mahmud. *Al-Madkhal ila al-Falsafah al-Ammah*. Kaherah: Dar al-Basa'ir, 2012.
- Al-Shahrastani, Muhammad bin Abd al-Karim. *Al-Milal wa al-Nihal*. Tahqiq Ahmad Fahmi Muhammad. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1992.
- Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman and Abdelhamid Salem Qatawneh. *Debate in the Quran and the Philosophical Approaches: Sophism and Dialecticism as Examples*". Jurnal Usuluddin 48 no. 1 (2020): 167-92.
- Al-Taftazani, Mas'ud bin Umar. *Sharh al-Aqa'id al-Nasafiyah*. Tahqiq Ali Kamal. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi, 2014.
- _____, Mas'ud bin Umar. *Sharh al-Maqasid*. Tahqiq Abd al-Rahman Umayrah. Beirut: Alam al-Kutub, 1998.
- _____, Mas'ud bin Umar. *Tahdhib al-Mantiq wa al-Kalam*. Kaherah: Matba'ah al-Sa'adah, 1912.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. "Ulasan Mengenai Filem Kontroversi 'Mentega Terbang.'" *Harakah Daily*. Diakses pada 17 April 2023, <https://harakahdaily.net/index.php/2023/03/07/ulasan-mengenai-filem-kontroversi-mentega-terbang/>.

